

GENERASI  
**AUTeM**  
Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Edisi 2009



بيكنيكل تليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


BANGUNAN CANSelor



# Kandungan

## m/s

- 3....Kata-kata Editor
- 4....Kata-kata aluan Naib Canselor
- 5....Kata-kata aluan Dekan HEPA UTeM
- 6....Kata-kata aluan Presiden AUTeM
- 7....Pegawai Kanan Universiti
- 10.. Carta Organisasi AUTeM
- 11.. Sekitar Aktiviti AUTeM :
  - Bengkel Perancangan Strategik AUTeM
- 12.. Majlis Berbuka Puasa Rumah Anak-Anak Yatim Pantai Puteri
- 14.. UTeM Alumni Homecoming Program
- 18.. Bengkel Facebook Application Development  
AUTeM Care
  - Kunjungan Hormat Ke Pejabat Naib Canselor
- 19.. Sekitar Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010  
Alumni Conference For Excellence 2009
- 20.. Kerjaya Alumni
- 21.. Sekitar Majlis Konvokesyen UTeM Kali Ke - 4
- 22.. Sekitar Majlis Konvokesyen UTeM Kali Ke - 5
- 23.. Ekspedisi Wisata AUTeM
- 26.. Pertandingan Bayi Comel
- 27.. Raja Sehari Alumni
- 28.. Mutiara Kata
- 30.. Alumni di Akhbar
- 31.. Borang Keahlian Alumni
  - Tips Menghadiri Temuduga Kerja
  - Menulis Resume Dengan Baik





## DARI MEJA EDITOR



*Assalamualaikum Wbt*

**D**engan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga baginda, sahabat-sahabat serta orang yang berjuang di sisi Allah.

Bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan izin dan kurnia-Nya, dapat kami hasilkan Buletin AUTeM dengan kandungan yang lebih padat dan berinformasi. Buletin AUTeM ini diterbitkan bagi memberi maklumat dan informasi berkenaan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh alumni-alumni UTeM, di samping dapat berkongsi ilmu, pengalaman dan tips-tips berguna kepada adik-adik yang sedang belajar di universiti ini. Semoga dengan terhasilnya Buletin AUTeM, dapat memberikan sesuatu yang berharga dan bermanfaat untuk dikongsi bersama. Saya bagi pihak editorial majalah mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang maklumat dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buletin AUTeM ini.

Syed Mohd Firdaus Bin Syed Abidin  
**Editor**

## Sidang REDAKSI

### **Penaung**

Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang

### **Penasihat**

En. Zainal Bin Bidin

### **Editor**

Syed Mohd Firdaus Bin Syed Abidin

### **Pengarang**

Al Amin Mohamed Sultan  
Syed Mohd Firdaus Bin Syed Abidin  
Mohd Sahlan Bin Nek Arifin  
Tinta Firmanika bin Selamat  
(Unit Alumni & Kerjaya)

### **Pembaca Prof**

Syed Mohd Firdaus Bin Syed Abidin  
Tinta Firmanika bin Selamat

### **Publisiti & Promosi**

Persatuan Alumni UTeM

### **Grafik**

Mohd Sahlan Bin Nek Arifin

### **Penerbit**

Persatuan Alumni UTeM  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
(Kampus Induk),  
Karung Berkunci No. 1752,  
Pejabat Pos Durian Tunggal,  
76109, Durian Tunggal, Melaka.

Tel : 06-331 6231 / 6233  
Faks : 06-331 6116 / 6222  
<http://www.autem.org.my>


## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah sekali lagi Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) menghasilkan penerbitan buletin yang di kenali sebagai Buletin AUTeM. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang berhempas pulas menjayakan penerbitan ini walaupun masing-masing mempunyai tugas seharian dan kekangan masa yang terbatas namun ia tetap dapat dilaksanakan.

Sesungguhnya penerbitan buletin ini adalah salah satu medium komunikasi sesama alumni dalam merancang dan melaksanakan aktiviti di samping berkongsi pengalaman bersama setelah bergraduan dari universiti dan ini merupakan satu hasil usaha dan komitmen bersungguh-sungguh yang telah ditunjukkan untuk bersama-sama meningkatkan kecemerlangan diri dan Universiti. Saya percaya semua warga Alumni UTeM mempunyai kompetensi yang tinggi di dalam bidang masing-masing. Kejayaan yang dicapai rakan-rakan pada masa ini diharap dapat menjadi pendorong kepada yang lain untuk terus berusaha meningkatkan prestasi masing-masing pada masa hadapan. Hasrat UTeM untuk menjadi Universiti Bertaraf Dunia tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya modal insan yang berkualiti dan berkompentensi tinggi daripada penglibatan alumni secara langsung atau tidak langsung.

Modal insan kompeten yang membangun dengan sempurna akan menjadi insan yang hebat atau juga digelar sebagai **"the towering individuals"**. Saya yakin Alumni UTeM yang mempunyai ciri-ciri tersebut mampu menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan seterusnya dapat menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat kepada kecemerlangan Universiti. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak terutama pihak Persatuan Alumni UTeM kerana berjaya menerbitkan Buletin AUTeM Edisi 2009 ini. Semoga ianya dapat meningkatkan usaha dan iltizam semua Alumni UTeM ke arah kejayaan.

Selamat Maju Jaya. Wassalam



*Datuk Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan*  
Naib Canselor UTeM

**Assalamualaikum dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita bertemu kembali di ruangan coretan Dekan HEPA pada keluaran Buletin AUTE M Edisi 2009 ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi AUTE M, kerana berkat kesungguhan, mereka dapat menghasilkan dan menerbitkan buletin ini untuk edisi pertama tahun 2009. Walau dalam kesibukan dengan rutin seharian, mereka masih mampu memberi ruang masa menghimpun dan menyusun berita-berita, perkembangan dan kemajuan Alumni UTeM khususnya dan Universiti amnya untuk dikongsi bersama. Pasti nya, tanpa kesungguhan yang tinggi, segala tanggungjawab yang diamanahkan tidak mungkin berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Semestinya menjadi harapan pihak Universiti untuk menjadikan Alumni UTeM ini sebagai salah satu dahan dan tonggak kepada pihak Universiti dalam usaha untuk mencapai misi dan visi universiti. Sehubungan itu, terbitan Buletin AUTE M secara berkala adalah amat berguna sebagai penyaluran pelbagai program dan maklumat Persatuan Alumni UTeM yang pasti nya akan merapatkan hubungan antara semua alumni universiti ini.

Adalah besar harapan saya agar Persatuan Alumni UTeM (AUTE M) akan terus memainkan peranan sebagai ikatan yang menghubungkan para Alumni UTeM dengan pihak Universiti. Semoga dengan hubungan erat yang dijalin akan memberi kesan ke arah pencapaian matlamat universiti yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian coretan saya pada kali ini. Wassalam dan bertemu lagi.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

*Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang*  
Dekan HEPA UTeM

**Assalamualaikum wbt..**

**Vanakkam...**

你好 □ Ni hao ma...

Pertamanya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan segala iradat, limpah dan kurnianya masih memberikan kepada kita ruang dan peluang untuk meneruskan perjuangan demi perjuangan sebagai Khalifah Allah dan juga sebagai Hamba-Nya pada masa yang sama.

Saya selaku Presiden Baru bagi Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) yang baru dipilih bagi sesi 2009/2011 berasa sangat memerlukan kerjasama semua pihak terutamanya para alumni untuk sama-sama kita menyumbang kembali kepada universiti atau lebih tepat alma mater ini disamping mengenang kembali detik-detik manis kita semasa tempoh pengajian kita di Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) ini mahupun yang lebih awal dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM).

Kita imbas kembali indahnyanya kita bersama rakan-rakan kita dari Rumah Kedai TTU ke Bangunan Kampus Industri dan kini telah berlaku transisi ke Kampus Induk.

Kami juga telah menyediakan Portal Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) sebagai tunjang penghubung kita semua ibarat kata madah pujangga jauh di mata, dekat di hati. Sama-sama kita meriahkan portal AUTeM ini dan kita sampaikan ke pengetahuan rakan-rakan kita yang masih belum mengetahuinya. Insya-Allah sebaran maklumat dan informasi berkenaan aktiviti dan isu terkini berkenaan alumni akan sama-sama kita kemaskini.

Dengan tiga agenda yang akan diberikan penekanan khusus iaitu pembawaan Konsep Fikrah Islam Dominan Alam Kampus (FIDAK), Fokus Publisiti & Promosi AUTeM dan Penjana Dana oleh AUTeM pada kali ini maka sama-sama kita pandu momentum ledakan persatuan kita.

Sebarang cadangan dan kritikan membina adalah sangat dialu-alukan. Suka juga saya mengingatkan agar kesemua graduan UTeM untuk mendaftarkan diri sebagai ahli Persatuan AUTeM kerana kesemua graduan yang bergraduasi adalah merupakan alumni UTeM tetapi belum lagi ahli Persatuan AUTeM. Sama-sama kita gerakkan persatuan kita ini agar tersohor dipersada negara.

Alumni untuk semua. Jaringan diperluaskan, Kebajikan diutamakan.

**Sekian**




*Al Amia Bin Mohamed Sultan*  
Presiden AUTeM



DATUK PROF. DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN

NAIB CANSOLOR




DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)



DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)



PROF. DR. ZOLKEPLI  
BIN BUANG

DEKAN, HAL EHWAL  
PELAJAR & ALUMNI



HASAN BIN SIRUN

PENDAFTAR



KHAIRUL BIN TAIB

BENDAHARI



HAJAH FARIDAH  
BINTI HJ MD AMIN

KETUA PUSTAKAWAN



**PROF. MADYA  
MUHAMMAD SYAHRIR  
BIN JOHAL**

**DEKAN, FAKULTI  
KEJURUTERAAN ELEKTRONIK &  
KEJURUTERAAN KOMPUTER**



**ENGR. PROF. DR.  
MARIZAN BIN SULAIMAN**

**DEKAN, FAKULTI  
KEJURUTERAAN ELEKTRIK**



**PROF. DR. MD RAZALI  
BIN AYOB**

**DEKAN, FAKULTI  
KEJURUTERAAN MEKANIKAL**



**DR. MOHD RIZAL BIN  
SALLEH**

**DEKAN, FAKULTI  
KEJURUTERAAN PEMBUATAN**



**PROF. DR. SHAHRIN BIN  
SAHIB@SAHIBUDDIN**

**DEKAN, FAKULTI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT &  
KOMUNIKASI**



**PROF. DR. MOHD TAIB  
BIN DORA**

**DEKAN, PUSAT BAHASA &  
PEMBANGUNAN INSAN**



**HAJJAH NORAIDA  
BINTI ATTAN**

**PENGARAH, PEJABAT  
PEMBANGUNAN &  
PENGURUSAN ASET**



**MOHD ISA BIN MOHD  
DOM**

**PENGARAH, PUSAT  
KOMPUTER**







PROF. DR. MOHAMAD  
KADIM BIN SUAIDI

PROF. DR. SALLEH  
BIN YAHYA

PROF. MADYA SHAHDAN  
BIN MD. LANI


DR. SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN

PENGARAH, PUSAT  
PENYELIDIKAN & INOVASI

DEKAN, FAKULTI PENGURUSAN  
TEKNOLOGI &  
TEKNOUSAHAWAN

PENGARAH, PUSAT  
JAMINAN KUALITI &  
AKREDITASI

PENGARAH, PUSAT  
PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك



PROF. DR. MOHD  
RAZALI BIN MUHAMAD

DR. HAZMILAH BINTI  
HASAN

PROF. MADYA DR. RAJA  
ROSLAN BIN RAJA ABD  
RAHMAN

DEKAN, PUSAT  
PENGAJIAN SISWAZAH

PENGARAH PENERBIT  
UNIVERSITI

PENGARAH, PUSAT  
PEMBELAJARAN BERTERUSAN



**Al.Amin Mohamed Sultan  
Presiden**



**Mohd Rashidi Zakaria  
Timbalan Presiden**



**Syed Firdaus Bin Syed Abidin  
Setiausaha**



**Nur Arina Mohd Yasin  
Bendahari**



**Siti Fatimah Sulaiman  
Timbalan Setiausaha**



**Zulfadhli Idrus  
Biro Penerangan & Multimedia**



**Nadhilah Hj. Rezali  
Biro Penerangan & Multimedia**

## **Biro Perpaduan & Kebajikan**



**Mohd Iskandar Md. Sulaiman**



**Abdul Azim Abdul Manaf**

## **Biro Pembangunan Sumber Manusia & Perhubungan Luar**



**Febrian Idral**



**Mohd Nafizul Nizam Mohd Noor**

## **Biro Sukan & Rekreasi**



**Fitrizan Azizan**



**Khairul Fitri Khairul Azhar**

## **Biro Keusahawanan & Kerjaya**



**Md. Salim Md. Yunos**

# Sekitar Aktiviti AUTeM

## Bengkel Perancangan Strategik AUTeM

Bengkel 'Strategic Planning' Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) yang dihadiri oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Persatuan AUTeM dan Ahli-ahli Persatuan AUTeM telah berjaya dilaksanakan pada 16hb – 17hb Mei 2009 yang lepas, bertempat di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka. Bengkel ini telah diadakan khusus untuk memaklumkan mengenai perantikan kepimpinan baru Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Persatuan

Alumni UTeM (AUTeM) Sesi 2009/2011 dan sekaligus membincangkan perkara-perkara berbangkit seperti penambahan enam (6) orang Ahli Jawatankuasa (AJK) baru yang dibuat secara lantikan oleh Presiden Persatuan AUTeM sendiri dan juga merangka aktiviti-aktiviti yang bakal dilaksanakan sepanjang tahun 2009 sehingga tahun 2011.



# Majlis Perkongsian Ilmu, Sumbangan & Berbuka Puasa Rumah Anak-Anak Yatim Pantai Puteri

Majlis yang bermula pada pukul 2.00 petang ini dimulai dengan Program Pengenalan ICT di mana kita fokuskan kepada pengenalan animasi 2D menggunakan perisian Macromedia Flash MX 2004. Program yang melibatkan 20 orang pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan 1 dibantu dengan 9 orang tenaga pengajar cukup memberi kegembiraan dan perasaan teruja di hati anak-anak yatim tersebut apabila penghasilan animasi 2D (menghasilkan pergerakan kereta menggunakan teknik motion guide) berjalan dengan jayanya.

Pada jam 5.30 petang acara diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada para pelajar terlibat yang dijalankan di surau berkenaan yang dihadiri oleh AJK tertinggi Alumni dan Tok Ayah Ibrahim selaku wakil dari rumah anak-anak yatim. Alumni turut menyerahkan Al-Quran terjemahan 8 naskah, sebiji komputer dan sejumlah wang kepada rumah anak yatim.

Acara diteruskan dengan majlis berbuka puasa ringan, diikuti dengan sembahyang maghrib yang diimamkan oleh Saudara Al Amin Mohamed Sultan. Selepas dijamu dengan hidangan nasi, program ditamatkan dengan solat isyak dan terawih bersama-sama dengan anak-anak yatim.



# Majlis Perkongsian Ilmu, Sumbangan & Berbuka Puasa Rumah Anak-Anak Yatim Pantai Puteri



# UTeM ALUMNI HOMECOMING PROGRAM 2009



Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah berjaya mengadakan Majlis Homecoming Alumni UTeM 2009 pada 28 Mac 2009 bertempat di Ayer Keroh d'Village Resort Melaka.

Majlis ini adalah rentetan daripada Majlis Makan Malam Sirih Pulang Ke Gagang pada 6 Januari 2007 yang dianjurkan oleh pihak Unit Alumni dan Kerjaya HEPA bersama dengan Persatuan Alumni UTeM bertujuan mengeratkan hubungan ukhawah sesama alumni. Di peringkat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM), program sebegini merupakan acara wajib untuk dilaksanakan sebagaimana amalan universiti-universiti lain di Malaysia.

Majlis sebegini merupakan platform terbaik bagi pihak Persatuan untuk merealisasikan hasrat dan objektif iaitu bertindak sebagai pusat hub kepakaran dan rujukan kepada universiti khususnya dan negara amnya, mewujudkan hubungan berkekalan di antara pihak Persatuan dengan pihak pengurusan tertinggi UTeM, di samping memberikan peluang kepada ahli Persatuan untuk berkongsi idea, pandangan dan cadangan serta menyalurkan sebarang masalah dan hal-hal yang berkaitan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti.






# UTeM ALUMNI HOMECOMING PROGRAM 2009










## Bengkel Facebook Application Development

Program ini adalah kerjasama AUTeM dan Malaysia Facebook User & Developer Community. Penceramah jemputan adalah panel yang dilantik oleh MDeC Saudara Nasrul Amri Samsudin dan juga merupakan penulis buku "Best Seller" **RahsiaPemasaranFacebook.com**. Jutaan terima kasih kepada para peserta dan FTMK terutamanya Dr. Burairah Hussin ( Timbalan Dekan Akademik FTMK) kerana memberikan kerjasama dan sambutan terhadap program yang julung kali diadakan di UTeM.



## AUTeM Care



Presiden AUTeM, saudara Al-Amin melawat alumni UTeM, Khairil Azhar Bin Karim

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Naib Canselor



# Sekitar Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010

Pada 29 Jun 2009 telah menyaksikan Kampus Induk, UTeM meriah dengan kehadiran pelajar-pelajar baru yang mendaftar bagi sesi 2009/2010. Bagi pengambilan sesi ini, UTeM telah menerima seramai 1890 orang pelajar baru yang akan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang Teknologi Maklumat, Mekanikal, Pembuatan, Elektrik dan Elektronik. Minggu Haluan Siswa yang berlangsung pada 29 Jun hingga 4 Julai 2009 diwajibkan kepada semua pelajar baru telah dilaksanakan dengan jayanya.


Pelbagai pengisian disediakan untuk pelajar-pelajar baru bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai matlamat, fungsi dan struktur Universiti, memupuk dan menyuburkan nilai-nilai murni umpamanya hormat-menghormati, jujur, tolong-menolong, bertoleransi di samping mempunyai ketahanan dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Di samping itu juga, pelajar baru diberi peluang mengenali proses pengajaran dan pembelajaran yang bersistematik serta suasana kehidupan kampus yang ceria dan melahirkan pelajar yang bermotivasi diri, mampu mengurus masa dengan cekap serta berdaya saing dan kompetitif.



# Alumni Conference Excellence 2009




# Kerjaya Alumni



**S**aya mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi dan Automasi) di UTeM. Modul pembelajaran berteraskan “hands on” serta subjek bercirikan industri telah memberikan banyak manfaat kepada saya sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. UTeM sememangnya telah pun berjaya menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti dengan mendedahkan pelajar-pelajar dengan budaya kerja secara professional semasa di alam universiti. Ini dapat dinilai melalui inovasi projek tahun akhir pelajar-pelajar yang mampu bersaing dan boleh dikomersialkan. Dengan adanya bimbingan tenaga pengajar yang bertauliah memberikan tunjuk ajar secara berterusan telah menambahkan lagi kemantapan para graduan UTeM untuk lebih berkeyakinan dan berjaya. Saya rasa bersyukur dan bertuah kerana dengan ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa menuntut di UTeM telah memudahkan saya untuk mendapatkan pekerjaan. Terima kasih UTeM!!

## Shahrir Bin Alias


System Engineer (Distributed Control System) Oil & Gas , Yokogawa Corporation



**D**is inilah segalanya bermula. Memulakan pengajian dan menjadi seorang mahasiswa UTeM pada tahun 2006 di dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) di FTMK. Bersyukur kepada Allah dan terima kasih kepada UTeM kerana telah memberi peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Berkat dan restu ibubapa serta kesungguhan dan dalam menghadapi rintangan dalam mencari ilmu telah membawa saya menjadi insan yang bergelar graduan UTeM pada tanggal 4 Oktober 2009. Kini bertugas sebagai Pereka Animasi 3D di salah sebuah syarikat animasi 3D iaitu Les' Copaque Production Sdn. Bhd. UTeM menyediakan infrastruktur dan kelengkapan yang cukup lengkap seiring dengan keperluan industri. Mahasiswa disematkan dengan ilmu pengetahuan teoritikal dan praktikal oleh para pensyarah yang sangat berpengalaman di dalam industri. Kerjasama erat pihak Universiti dengan industri telah memainkan peranan penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti yang mampu memacu UTeM menjadi salah sebuah Universiti Teknikal terkemuka di dunia dengan slogan "Where Great Technical Careers Begin".

## Mohd Faszirul Azzery Bin Abdul Wahid

Pereka Animasi 3D, Les' Copaque Production Sdn. Bhd



**S**etelah berjaya menamatkan pelajaran dengan cemerlang diperingkat Sijil dari politeknik, saya tidak terfikir langsung untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Mungkin sudah tertulis bahawa dunia IT merupakan punca rezeki sekarang, saya telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang pada ketika itu hanya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada tahun 2001. Alhamdulillah, segala suka duka sewaktu di dewan kuliah dan di makmal selama 3 ½ tahun adalah berbaloi sama sekali. 30 Julai 2005, bertempat di Pentas Utama, Dewan Seri Negeri, Melaka

meninggalkan kenangan sepanjang hayat kerana ia menyaksikan KUTKM julung kalinya menganjurkan Majlis Konvokesyen. DK Composites Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Dian Kreatif Sdn. Bhd.) telah memberikan saya ruang dan peluang untuk membuktikan kemahiran yang diperolehi di UTeM benar – benar dapat membantu. DK Composites Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang berorientasikan Pembuatan & Kejuruteraan di dalam bidang “Advance Composites Technology”.

## Noraisah Bt Kamarudin

IT Executive, DK Composites Sdn Bhd

Sekitar  
Majlis Konvokesyen UTeM Kali Ke-4





Sekitar Majlis Konvokesyen UTeM Kali Ke-5

# EKSPEDISI WISATA AUTeM

SERTA LAWATAN KE POLITEKNIK  
UNAND, PADANG, INDONESIA 2009

**W**iAUMa-Sing merupakan program pertama anjuran AUTeM di bawah Biro Sukan Dan Rekreasi. Selesai perantikan baru ahli jawatankuasanya, beberapa rancangan terus di atur bagi menunjukkan bahawa AUTeM sebenarnya sedang bergerak hingga ke hari ini. Dengan itu di bawah biro ini yang di ketuai oleh En. Fitrizan Azizan, maka terhasillah ekspedisi ini. Ini juga merupakan aktiviti rekreasi pertama Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**11 Jun 2009** - Tarikh yang dinanti-nantikan oleh 14 orang peserta XPDC Wisata AUTeM Gunung Merapi dan Gunung Singgalang 2009 atau singkatannya WiAUMa-Sing. Dengan diiringi seorang pegawai HEPA UTeM, kami berlepas dari Lapangan Terbang Tambang Murah, LCCT pada jam 0750 waktu antarabangsa menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Minangkabau, Republik Indonesia. Dengan perbezaan waktu 1 jam, kami tiba di sana pada jam 0850.

Seperti yang telah dirancang, ketibaan kami di sambut oleh Yeli (rakan Indonesia) dan Dr. Alvies dari Politeknik Unand. Setelah bersalam-salam dengan Dr. Alvies, kami terus menaiki bas menuju ke politeknik. Perjalanan yang melalui jalan-jalan kampung memakan masa selama 1 jam untuk sampai ke politeknik. Di kesempatan itu, kami sempat melihat suasana kehidupan masyarakat Padang. Di sana juga terkenal dengan senibina bumbung Minangkabau.



# EKSPEDISI WISATA AUTeM

SERTA LAWATAN KE POLITEKNIK UNAND  
PADANG, INDONESIA 2009



**12 Jun 2009** - Program WiAUMa-Sing teruskan lagi pada keesokan harinya. Dari Padang, kami menaiki 2 buah van. Pagi itu kami bertolak ke Koto Baru, kaki gunung Merapi dan Singgalang. Perjalanan memakan masa lebih kurang 2 jam setengah. Kami tiba di Pekan Koto Baru kira-kira jam 12.30 tengah hari. Atas nasihat penduduk setempat, kami tidak jadi terus mendaki kerana pantang larang mendaki ketika orang sedang solat Jumaat.

**13 Jun 2009** - Seawal pagi, kami bangun, menunaikan solat subuh dan terus menyiapkan sarapan pagi. Kemudian kami memulakan pendakian ke puncak tanpa membawa beg. Pendakian tidak terhenti di situ sahaja kerana di lingkungan gunung tersebut terdapat puncak yang paling tinggi dan menjadi kemestian setiap pendaki untuk sampai ke sana. Puncak tersebut di beri nama Puncak Merpati (2891.3m dpl).



**14 Jun 2009** - Kami kembali semula ke Koto Baru untuk pendakian Gunung Singgalang pula. Untuk pengetahuan, gunung Merapi dan Singgalang adalah bersebelahan dan hanya dipisahkan oleh jalan utama sahaja. Kalau Merapi kami hanya berjalan sahaja untuk menuju ke pintu rimba, tidak bagi Singgalang kerana pintu rimbanya sangat jauh. Oleh itu kami mencari van(ojex) untuk ke sana.





# EKSPEDISI WISATA AUTeM SERTA LAWATAN KE POLITEKNIK UNAND PADANG, INDONESIA 2009

**15 Jun 2009** - kami bangun seperti biasa. Syukur kepada tuhan kerana telah menyaksikan salah satu keindahannya iaitu Telaga Dewi. Telaga ini sangat besar dan merupakan kawah gunung berapi satu ketika dulu. Dek masa yang berlalu, ia dipenuhi air sehinggalah sekarang.

Sedang kami leka berkemas, hujan tiba-tiba turun. Ini menambahkan lagi sejuk yang sudah sedia sejuk. Dengan pantas, kami bersiap-siap dan bergerak turun.

**16 Jun 2009** - kami bersiap-siap untuk menjelajah sekitar Bukit Tinggi. Tapi terlebih dahulu, kami ke sebuah tasik atau nama tempatannya Danau Maninjau. Sebelum sampai ke tasik tersebut, akan melalui 44 selekoh bertingkat atau lebih di kenali Kelok 44. Dari situ sudah kelihatan tasik tersebut yang begitu luas yang dikelilingi bukit-bukau. Selesai bergambar, kami pulang ke Bukit Tinggi.

**17 Jun 2009** - hari terakhir kami di Indonesia. Kami berangkat ke lapangan terbang dengan ditemani oleh jurupandu kami dan Yeli. Sebelum kami berlepas, sempat kami bergambar dan mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas meluangkan masa dan budi baik mereka sepanjang kami berada di negara mereka. Kami berlepas pada jam 1450 dan tiba di Malaysia pada jam 1650. Bas UTeM terus membawa kami pulang ke Kampus Industri dan dengan itu ekspedisi pun tamat.



# Pertandingan Bayi Alumni

Meriahkan peraduan in dengan penyertaan anda sekeluarga! Undilah bayi alumni yang paling comel. Setiap pemenang akan mendapat hadiah istimewa dari kami. Sila layari portal AUTeM <http://www.autem.org.my> untuk membuat undian.



**Nama Pasangan : Khairul Anwar & Amelia**  
**Nama Anak : Hatim Iskandar**  
**Tarikh Lahir Anak : 20/09/2008**



**Nama Pasangan : Shahrul Nadzree & Nurfilawati**  
**Nama Anak : Nur Raisha**



**Nama Pasangan : Rashidi & Salasiah**  
**Nama Anak : Iman Rahman**  
**Tarikh Lahir Anak : 03/11/08**



**Nama Pasangan : Norazrena & Khairul Ashraf**  
**Nama Anak : Najwa Ilhami**  
**Tarikh Lahir Anak : 13/09/2008**



**Nama Pasangan : Izzat Muharram & Maziah**  
**Nama Anak : Irfan Darwish**



**Nama Pasangan : Khairul Izwan & Siti Nadia**  
**Nama Anak : Nur Umairah Saffiyah**  
**Tarikh Lahir Anak : 27/05/2009**

# Raja Sehari Alumni

Sertai kami dalam mencari pasangan Raja Sehari Alumni yang paling menawan! Pembaca perlu membuat undian untuk memilih pasangan yang paling menarik. Pasangan yang menerima undian paling banyak akan mendapat hadiah istimewa daripada penganjur. Sila layari portal AUTeM <http://www.autem.org.my> untuk membuat undian.



Nama Pasangan : Norzuwairi & Azila Arifin



Nama Pasangan : Fauzul Hakim & Fatin Raihana



Nama Pasangan : Abdullak Shakaimi & Nazuka



Nama Pasangan : Fadhli & Azlina



Nama Pasangan : Aishah & Razali



Nama Pasangan : Zaidi & Diana

# Mutiara Kata

tiada kata seindah bahasa...



Imam Ali berkata, "Allah menyayangi orang-orang yang mengetahui kadar dirinya dan tidak melewati batas perjalanannya; menjaga lisannya dan tidak mensia-siakan umurnya".

Kebijaksanaan menjanjikan kejayaan dan kebahagiaan tetapi jika disalahgunakan akan mewujudkan penderitaan

Didiklah anak-anakmu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk zaman yang bukan zaman engkau – Saidina Umar Al-Khattab

Ketika kamu lahir, kamu menangis dan orang di sekelilingmu tersenyum. Jalanilah kehidupanmu sehingga nanti, ketika kamu mati, kamu tersenyum dan orang di sekelilingmu menangis.

Adab dan akhlak adalah ibarat pokok dan kemasyhuran adalah seperti bayang-bayang. Tetapi malangnya, kebiasaan orang lebih melihat bayang-bayang daripada pokoknya.

Hazwani Hassan, BITM 2007



Hidup memerlukan pengorbanan. pengorbanan memerlukan perjuangan. perjuangan memerlukan ketabahan. ketabahan memerlukan keyakinan. keyakinan pula menentukan kejayaan. kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan.

Berfikir secara rasional tanpa dipengaruhi oleh naluri atau emosi merupakan satu cara menyelesaikan masalah yg paling berkesan

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

Cik Miew, BITD 2008



Bila engkau letih & hilang semangat,  
Allah tahu engkau telah mencuba sedaya upaya.  
Bila tangismu berpanjangan & hatimu duka,  
Allah telah mengira titis air matamu.

Bila engkau rasa ketinggalan &  
masa meninggalkanmu,  
ALLAH tetap bersamamu,  
Bila engkau kebuntuan akal,  
maka ALLAH adalah  
penunjuk jalan..  
apabila engkau telah  
berazam, MAKA  
Bertawakallah kepada  
Allah.



## Jika Aku Jatuh Cinta

Ya Allah

jika aku jatuh cinta, cintakanlah aku pada seseorang yang melabuhkan cintanya padaMu, agar bertambah kekuatanku untuk menyintaiMu..

Ya Muhaimin

jika aku jatuh hati, izinkanlah aku menyentuh hati seseorang yang hatinya tertaut padaMu agar tidak terjatuh aku dalam jurang cinta nafsu...

Ya Rabbana

jika aku jatuh hati, jagalah hatiku padanya agar tidak berpaling daripada hatiMu..

Ya Rabbul Izzati

jika aku rindu, rindukanlah aku pada seseorang yang merindui syahid di jalanMu...

Ya Allah

jika aku menikmati cinta kekasihMu, janganlah kenikmatan itu melebihi kenikmatan indahnya bermunajat di sepertiga malam terakhirMu..

Amin....

Mimi, BITS 2008

# Mutiara Kata

tiada kata seindah bahasa...



\* RESPECT CANNOT BE DEMANDED, IT MUST BE EARNED. RESPECT IS EARNED ONLY BY GIVING IT AWAY.

\* A SMART PERSON LEARNS FROM MISTAKES, A WISE PERSON LEARNS FROM THE MISTAKES OF OTHERS.

\* TIME IS VERY SLOW FOR THOSE WHO WAIT, VERY FAST FOR THOSE WHO ARE SCARED,

\* VERY LONG FOR THOSE WHO LAMENT, VERY SHORT FOR THOSE WHO CELEBRATE.

\* MANY PEOPLE LOSE THE SMALL JOYS, IN HOPE FOR THE BIG HAPPINESS.

\* WHEN WE REACH FOR THE STARS, WE MAY NOT QUITE GET THEM, BUT WE WON'T COME UP WITH A HANDFUL OF MUD EITHER.

\* IN ANY MOMENT OF DECISION, THE BEST THING YOU CAN DO IS DO THE RIGHT THING. THE WORST THING YOU CAN DO IS DO NOTHING.

Min Huey, BITS 2009




Jadilah orang dermawan, sebab orang dermawan...


THERE ARE MANY THINGS IN LIFE THAT WILL CATCH YOUR EYE, BUT ONLY A FEW WILL CATCH YOUR HEART...PURSUE THOSE.

Every successful person has a painful story.

Every painful story has a successful ending



Accept the pain and get ready for success



Firman Allah ..  
"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu, dan perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar), cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani"


(Al-Ahzab : 59)

Orang yang jiwanya dibersihkan oleh takwa, fikirannya disucikan oleh iman, dan akhlaknya disepuh oleh kebaikan, akan menerima kecintaan dari Allah.

Makanan adalah kebahagiaan untuk sehari, perjalanan adalah kebahagiaan untuk seminggu, pernikahan adalah kebahagiaan untuk sebulan, harta adalah kebahagiaan untuk setahun, dan keimanan kebahagiaan untuk seumur hidup.

Ketahuilah bahawa kesabaran itu akan mengubur aib-aib, ketabahan itu akan menjadi penutup bagi kekeliruan, dan kedermawanan itu adalah pakaian yang besar yang akan menutup semua kekurangan dan cacat.

Matahari Bulan, BITC 2009



## UteM students making proud with



## UteM Invents Smart Energy And Water Savings Gadget

...their behaviors to reduce the electrical energy wastage. Besides that, this system allows you to have energy when you need it and save energy when you do not need it," Siva Kumar old Melaka Hari Ini (MHI).

The simple design of controlled energy saving em not only permits installation but also saves the energy-efficiency. This energy-saving system allows the maintain a minimum energy level at lower consumption is are not occurs almost 6-7%.

Another member of the staff of the same faculty, Ranjit Singh Sarban Singh said based on the electricity-saving and water-saving campaign, by the government many users are still not fully aware about the importance of energy saving so the invention was

"Moreover, the combination effects of electricity-saving and water-saving technologies investments payback takes short time of period," Ranjit added.

According to Ranjit microcontroller. The

reducing the cost expenditure may 1 25% - 37% electricity and water-saving.

Siti Aisyah Anas on other hand gave MHI insight into the mechanism of the energy saving device said a low cost infra red sensor is integrated with a Peripheral Interface Controller (PIC) to provide an energy saving system.

"The Infra Red sensor detects the presence of human and modulates the signal from the sensor to the microcontroller. The

## Strategi jangka panjang remaja jauhi sams

**M**EREKA berani, kreatif dan sedia mengambil risiko melakukannya. Itulah yang paling tepat diberi kenat rempit.

Trafik Polis Bukit Datar, Datuk Abd Aziz Yusof, istilah mat rempit di kepada samseng jalanan ia lebih sesuai menunjukkan serangan dan persepsi bagi golongan ini.

Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) melihat isu itu kerana para pegawai trafik Polis Bukit

Jika sebelum ini samseng jalanan itu hanya berhubung dan melakukan aksi berbahaya di jalan raya ketika majoriti rakyat sudah berada di rumah beristirahat, tetapi sejak kebelakangan ini mereka semakin tegar serta paling menyedihkan mereka juga menghidu dadah, ragut, terabit gengsterisme dan membunuh.

Setiap hari, ada saja kes terpapar di media cetak atau elektronik dan gejala itu sudah mencapai tahap kritikal, oleh itu usaha mengatasinya perlu segera dilakukan.

AUTeM berpendapat, bukan hanya kerajaan yang perlu dituding jari, malah semua

## CABARAN BERAT ME

**P**ersatuan Alumni Mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) merakamkan tahniah dan selamat bertugas untuk memacu perubahan kepada Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak. Seluruh negara sudah menumpah jawatan sebagai Perdana Menteri keenam, menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang berundur selepas menerajui negara lebih lima tahun.

Dato' Sri Najib mengikut jejak Allahyarham ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein, yang menerajui negara dari 1970 sehingga 1976. Terima kasih juga kepada Tun Abdullah yang juga lebih selesa dipanggil Pak Lah berikutan peralihan kuasa yang berjalan lancar.

...penarikan larangan pembangkang. AUTeM yakin ikrar Dato' Seri Na pa mengenal erti Perdana Menteri berkhidmat dan rakyat. Semua daan yang cuka sewaktu mem ekonomi, pem sia dan sebagai Perdana Ment hatian pembu bukan keraja mengikut r pendekatan dan visi yang Datuk Se sama-sama besar buan

# BORANG KEAHLIAN PERSATUAN ALUMNI

## Maklumat Peribadi

Nama : \_\_\_\_\_

No K/P : \_\_\_\_\_

No Matrik (jika ada) : \_\_\_\_\_

## Maklumat Pekerjaan

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tahun Mula Bertugas : \_\_\_\_\_

Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Telefon Pejabat : \_\_\_\_\_

Email : \_\_\_\_\_

Alamat Tetap : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Telefon : \_\_\_\_\_

## Latarbelakang Pendidikan UTeM

Kelulusan Tertinggi	Fakulti	Tahun

## Pendidikan Selain Daripada UTeM

Kelulusan Tertinggi	Fakulti	Tahun

Bersama-sama ini disertakan cek bernilai RM 10.00 atas nama "Persatuan Alumni UTeM"

\_\_\_\_\_

Tandatangan

Tarikh : \_\_\_\_\_

## TIPS MENGHADIRI TEMUDUGA KERJA

### Persiapan awal: Kajian

Kaji latar belakang organisasi yang menawarkan temuduga jawatan kosong kepada anda. Apakah urusan utama organisasi tersebut, berapa lama ditubuhkan, saiz organisasi, kaitan organisasi dengan anda, dan sebagainya.

### Persiapan sebelum temuduga

Pada hari temuduga, bangun awal. Banyak perkara yang harus anda lakukan sebelum pergi ke tempat temuduga, dengan tenang dan tidak gopoh gajah.


### Melangkah ke lokasi temuduga

Sebelum meninggalkan rumah, pastikan anda membawa bersama surat panggilan temuduga serta dokumen-dokumen yang diisyaratkan dalam surat panggilan temuduga.

### Tali leher bagi lelaki adalah wajib

bagi lelaki, wajib memakai baju kemeja lengan panjang lengkap dengan tali leher, tidak kira bagi jawatan apa sekalipun. Bagi perempuan, kenakan pakaian yang sopan dan semestinya menutup aurat.

## Menulis Resume Dengan Baik



- Jangan menghantar resume anda tanpa surat pengenalan diri. Ini akan memberi tanggapan seolah-olah anda tidak berminat untuk mendapatkan kerja tersebut.
- Resume anda harus difokuskan dalam bidang kemahiran anda sendiri terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan kerja yang kamu pohon itu.
- Jangan bazirkan ruangan dengan perkataan yang tidak penting. Biarlah setiap perkataan yang ditulis itu bermakna dan menyokong objektif penulisan resume anda.
- Buatlah beberapa draf dan berikan resume anda kepada beberapa orang untuk diperiksa. Jika terdapat kesalahan dari segi tata bahasa atau ejaan, buatlah pembetulan. Resume yang mempunyai banyak kesalahan akan memberikan kesan buruk kepada pembacanya.



SETEM

**Persatuan Alumni UTeM**  
D/A : Bahagian HEPA,  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Kampus Induk),  
Karung Berkunci No. 1752,  
Pejabat Pos Durian Tunggal,  
76109, Durian Tunggal, Melaka.



اونيورسي تيكنيكل ماليزيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

